

inovasi

Dekoponix rak kompak bertingkat jimat ruang

info

Dekoponix rak bertingkat

- Produk bersifat modular.
- Set permulaan mempunyai 24 bekas untuk penanaman, iaitu enam di setiap tingkat.



Mohd Hafiz (kanan) bersama Prof Dr Khairul Aidil Azlin.

air sebagai bahan utama tanpa tanah memang tidak lagi asing kini, namun produk sedia ada dalam pasaran bagi aktiviti terbabit rata-rata bersaiz besar, sekali gus menyukarkan orang awam menggunakannya.

Sebaliknya, beliau yang juga pelajar Ijazah Sarjana Sains (Reka Bentuk Perindustrian) berkata, inovasi dekoponix rak bertingkat direka khas dalam bentuk kompak dan sesuai digunakan untuk penanaman di koridor rumah.

Sistem kitaran

"Produk itu didatangkan

dalam pakej, iaitu semua komponennya boleh dilarai dan dicantumkan semula melalui beberapa langkah sahaja. Konsep bertingkat seperti rak diaplikasi untuk mengurangkan penggunaan ruang," katanya.

Mohd Hafiz berkata, produk itu dilengkapi sistem kitaran air dan baja yang dipam ke atas dari bekas takungan dengan aliran berterusan, secara langsung lebih menjamin aspek kebersihan.

Kitaran automatik itu juga dapat mengelakkan penakungan air yang boleh

mencemarkan kualiti dan kesegaran tanaman.

Hlasan dalaman

Beliau berkata, konsep dan reka bentuk dekoponix rak bertingkat sesuai untuk diselaraskan dengan keadaan di dalam rumah seiring kehidupan moden.

Selain Mohd Hafiz, kumpulan yang menjayakan projek itu turut dibarisi pensyarah, Prof Dr Khairul Aidil Azlin Abd Rahman; penyelidik, Dr Shahrizal Dolah; dan pelajar, Ahmad Zulkarnain Rosli (tamat pengajian baru-baru ini).



Dekoponix rak bertingkat direka khas dalam bentuk kompak dan sesuai digunakan untuk penanaman di koridor rumah.

Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

► Serdang /

Sekumpulan warga Jabatan Reka Bentuk Perindustrian, Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina, Universiti Putra Malaysia (UPM), mencipta dekoponix rak bertingkat bagi penanaman hidroponik secara menegak.

Ketua projek itu, Mohd Hafiz Talib, berkata teknik penanaman menggunakan